

20/10/2002

Malaysia sesuai jadi pangkalan pelabur Amerika

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

NEW YORK: Pelabur Amerika Syarikat yang ingin mengembangkan perniagaan mereka ke rantau Asia boleh menjadikan Malaysia sebagai pangkalan untuk memasuki pasaran Asean, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Sambil menegaskan bahawa segala laporan yang mengaitkan Malaysia dengan kumpulan pengganas sebagai tidak benar, Rafidah berkata, syarikat Amerika perlu mendapatkan perspektif dan maklumat tepat mengenai Malaysia, yang sentiasa memberi pelbagai insentif kepada pelabur asing.

"Malaysia menawarkan pakej insentif yang menarik, kos yang kompetitif dan mempunyai perkembangan politik serta ekonomi yang stabil dalam bidang pelaburan.

"Ekoran serangan pengganas pada 11 September dan yang terbaru pengeboman di Bali, adalah penting bagi kita memastikan saluran perniagaan dan komunikasi yang terbuka.

"Saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa Malaysia tidak mempunyai sebarang kaitan dengan kejadian di Bali dan kerajaan Barisan Nasional (BN) langsung tidak mempunyai sebarang hubungan ideologi atau politik dengan Al-Qaeda," katanya pada seminar "Peluang Perniagaan di Malaysia" yang dianjurkan kementerian, di bawah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Rafidah mengetuai rombongan galakan perdagangan dan pelaburan tiba di New York, salah satu destinasi dalam misi berkenaan. Beliau turut ke Toronto, Kanada dan St Louis, Amerika dari 14 hingga 21 Oktober.

Misi yang dianggotai 42 perwakilan itu bertujuan memaklumkan kepada masyarakat perniagaan Kanada dan Amerika mengenai peluang perdagangan dan pelaburan di Malaysia.

Ia juga untuk menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia dalam bidang yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan industri berintensif modal, teknologi maklumat dan komunikasi, pembangunan dan penyelidikan serta bioteknologi.

Sehingga kini, perdagangan Malaysia dengan Amerika meningkat daripada AS7.1 bilion (RM27 bilion) pada 1990 kepada AS29.6 bilion (RM112 bilion) tahun lalu. Amerika adalah rakan niaga Malaysia yang terbesar tahun lalu, iaitu 18.3 peratus daripada perniagaan global Malaysia.

Penceramah bagi seminar berkenaan yang juga Pengarah dan Ketua Ekonomi bagi Asia Tenggara dan India, Credit Suisse First Bostan Singapura, Prasenjit K Basu, berkata perubahan politik Malaysia terutama perletakan jawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak perlu menjadi sesuatu yang membimbangkan pelabur.

Ini kerana, katanya, BN yang dipimpin parti Umno, adalah sistem yang paling demokratik dan peralihan kuasa antara Dr Mahathir kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tidak akan menjejaskan kekuatan dan kestabilan ekonomi Malaysia.

Sementara itu, ketika berucap pada seminar mengenai "Peluang Pelaburan di Malaysia" anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di sini, Rafidah berkata dunia akan berdepan dengan kesan ekonomi yang teruk sekiranya Amerika Syarikat menyerang Iraq.

"Perang dengan Iraq tidak akan hanya terhad di wilayah itu saja. Amerika Syarikat adalah negara pertama yang akan merasai kesan itu ekoran harga akan melambung tinggi, kemudian anda boleh bayangkan kesannya ke atas perdagangan antarabangsa. Akan berlaku kesan global," katanya.

Oleh itu, Rafidah berkata serangan ketenteraan oleh Amerika Syarikat ke atas Iraq akan memaksa Malaysia, sama seperti negara lain di dunia, mengkaji semula unjuran ekonominya.

Malaysia telah mengunjurkan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak 4-5 peratus pada 2002, katanya .

Kira-kira 270 ahli perniagaan Amerika Syarikat menghadiri seminar itu. Seminar itu adalah sebahagian daripada misi perdagangan dan pelaburan MITI ke Toronto, New York dan St. Louis dari 14-21 Oktober.